




## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

### KENYATAAN TENDER KERJA (KHAS BUMIPUTERA)

Tender ini terbuka kepada Kontraktor-Kontraktor Bumiputera yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER DITUTUP
1.	<p>No. Tender: KPLB.T.2/2021</p> <p>PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) KG. CHEGAR PERAH, DAERAH LIPIS, NEGERI PAHANG</p>	<p>Berdaftar dengan:</p> <p>i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</p> <p>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Gred G7 Sahaja</li><li>- Pengkhususan CE20 (Sistem Bekalan Air)</li></ul> <p>ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Gred G7 Sahaja</li><li>- Kategori CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)</li></ul> <p>iii) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Sijil Taraf Bumiputera (STB)</li></ul> <p>iv) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air)</li></ul>	<p>Kontraktor <b>DIWAJIBKAN</b> untuk membuat pendaftaran dalam talian di <i>link</i> seperti di bawah :</p> <p><a href="https://qrqo.page.link/uH Rud">https://qrqo.page.link/uH Rud</a></p> <p>ATAU</p>  <p>Scan Kod QR</p> <p>Tarikh Pendaftaran : 05 April 2021</p> <p>Masa Pendaftaran : 9.00 pagi - 12.00 tengah hari</p> <p>*Emel keputusan pendaftaran akan dihantar kepada kontraktor pada <b>06 April 2021</b></p>	<p>Tarikh Dijual :</p> <p>07 April 2021 hingga 20 April 2021</p> <p>Waktu: 9.00 Pagi - 12.30 Tengahari 2.30 - 4.00 Petang (Isnin - Khamis)</p> <p>9.00 - 11.00 Pagi 3.00 - 4.00 Petang (Jumaat)</p>	<p>Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.</p> <p>Harga Dokumen : RM 580.00</p>	<p>Tarikh Tutup : 28 April 2021</p> <p>Waktu : 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat : Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.</p>

1. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** pada waktu pejabat.
2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan menyertai tender ini. Satu syarikat hanya dibenarkan untuk membuat **satu pendaftaran sahaja untuk setiap projek**. Pendaftaran hanya akan dibuka seperti tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas.
3. Kontraktor yang layak sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Kontraktor yang memenuhi syarat kelayakan tender seperti di atas sahaja akan dipelawa melalui emel ke alamat emel yang didaftarkan dalam borang pendaftaran secara dalam talian. Kontraktor dikehendaki untuk mencetak emel tersebut sebagai bukti untuk dikemukakan kepada Pegawai yang bertugas di kaunter bagi tujuan pembelian Dokumen Tender.
4. Sekiranya kontraktor tidak mempunyai kod bidang pengkhususan seperti dalam syarat penyertaan tender, sila muat naik surat kebenaran khas dari CIDB dalam *google form* semasa membuat pendaftaran secara dalam talian.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada penama yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat penyertaan tender. Sila bawa bersama sijil pendaftaran **asal** seperti di syarat penyertaan tender **berserta salinan-salinannya**. (salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan)
6. Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (Money Order) / Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia – KPLB – T** sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
7. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
8. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat: -

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
ARAS 15, No. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA  
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**

9. Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
10. Semua petender dikehendaki untuk mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) dan segala arahan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/ Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuatkuasa sepanjang urusan tender ini.